

Ahli-ahli UMNO diminta jadikannya sebagai satu jihad bangsa

MAHATHIR: LAHIRKAN MELAYU BARU

11 - 5 NOV 1991

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru UMNO bergerak ke arah melahirkan satu bangsa Melayu dan bumiputera baru yang mampu mengambil tempat yang wajar dalam dunia moden ini.

Beliau mahu setiap ahli UMNO menjadikan tanggungjawab berat ini sebagai satu jihad bangsa untuk mencapai Wawasan 2020.

Melayu dan bumiputera baru abad ke-21 ini, menurut beliau, hendaklah mereka yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran, yang dapat bersaing tanpa bantuan, yang terpelajar dan berilmu, canggih, jujur, berdisiplin, beramanah dan cekap.

Dalam satu ucapan yang kemas, terarah dan padu di Perhimpunan Agung UMNO pagi ini, beliau mengingatkan ahli-ahli parti supaya menolak kumpulan-kumpulan yang akan keluar menentang kelahiran Melayu baru ini dengan menganjurkan wawasan akhirat sebagaimana mereka menentang Wawasan 2020.

Dr. Mahathir berkata, sesungguhnya perjuangan melahirkan Melayu

baru ini adalah satu perjuangan yang mulia kerana Melayu baru inilah yang akan menyelamatkan agama Islam kelak, bukan tok-tok guru yang berkepentingan.

Beliau menegaskan, memanglah bukan mudah untuk melahirkan Melayu baru ini tetapi orang-orang Melayu tidak mempunyai pilihan melainkan melahirkan golongan ini untuk bersaing dan mempertahankan kedudukan dan maruah mereka yang semakin hari semakin tercabar.

“Kejayaan tidak akan bergolek. Emas di dalam bumi pun perlu dikeluarkan sebelum ia berharga.

“Tidak ada yang mudah untuk dunia atau untuk akhirat. Segalanya memerlukan kepada pelaburan. Ibadat untuk dunia tidak kurang perlunya dengan ibadat untuk akhirat,”ujarnya.

Melayu dan bumiputera baru abad 21 yang Dr. Mahathir mahu lahirkan itu bukan lagi mereka yang hanya tahu bergantung pada kerajaan untuk berniaga; bukan mereka yang taksub dengan kuasa dan juga bukan mereka yang hanya mencari kekayaan untuk diri sendiri, menyalahgunakan kuasa dan rasuah.

LIHAT MUKA 2

MAHATHIR: LAHIRKAN MELAYU BARU

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir melahirkan kebingungannya kerana ramai rakyat sekarang ini mengutamakan diri sendiri lebih daripada bangsa dan negara, seperti di zaman pemerintahan raja-raja Melayu dahulu.

"Nampaknya kita sekarang sedang menuju ke arah keadaan di zaman pemerintahan raja-raja Melayu dahulu.

"Sepertimana rasuah dan penyalahgunaan kuasa dahulu akhirnya menyebabkan negeri-negeri Melayu ditakluk oleh bangsa asing dan orang Melayu diperhambakan, demikian juga keasyikan menyalahgunakan apa jua kuasa yang ada di semua peringkat akan melumpuhkan orang Melayu dan menyekat kejayaan mereka.

"Jika keadaan ini berterusan, saya kluatir, orang Melayu akan diperhambakan sekali lagi," tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata, beliau sedar apa yang beliau katakan ini akan menyebabkan kemarahan pihak-pihak tertentu di dalam dan di luar parti serta kerajaan.

"Tetapi saya tidak akan bertanggungjawab jika saya tidak perkatakan yang benar demi menyelamatkan bangsa Melayu yang menjadi tunggak kerajaan negara ini, bangsa yang menegakkan agama Islam dan kedaulatan negara Malaysia," ujarnya disar. ub

tepuhan gemuruh.

Menyentuh Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan terus memberi peluang dan mengagihkan sebahagian daripada punca kekayaan negara kepada bumiputera.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak boleh menentukan bahawa bahagian yang diperuntukkan kepada bumiputera akan kekal dan bertambah.

Menurutnya, jika dijumlahkan semua agihan kekayaan yang dibuat oleh kerajaan selama 20 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan, mungkin bumiputera hari ini akan memiliki lebih daripada 30 peratus ekonomi negara.

Tetapi kerana ada yang tidak cekap atau kurang amanah, tegasnya, sebahagian daripada apa yang

diperolehi telah terlepas daripada tangan bumiputera dan kembali kepada pihak lain.

"Ada kemungkinan bahawa apa yang ada di tangan bumiputera sekarang inipun akan terlepas juga jika apa yang dimiliki melalui badan-badan amanah dipindahkan ke tangan individu atau syarikat bumiputera," ujarnya.

Dr. Mahathir mengingatkan, jika ekonomi berkem-

bang pada paras tujuh peratus setahun, harta kekayaan milik bumiputera juga perlu meningkat sekurang-kurangnya purata tujuh peratus setahun hanya untuk mempertahankan kedudukan yang telah dicapai.

Beliau menegaskan, bumiputera sendirilah yang harus berusaha dan bertanggungjawab untuk memelihara dan melipatganda harta kekayaan mereka. Untuk mencapai tujuan ini, ujar beliau, orang Melayu dan bumiputera perlu kepada budaya dan nilai hidup yang sesuai dengan pengurusan harta kekayaan di dunia.

"Oleh kerana ada bukti-bukti bahawa budaya orang Melayu tidak sesuai dengan persaingan hebat dalam dunia ekonomi moden, maka kerajaan akan berusaha untuk membentuk dan menyemai budaya dan kecekapan yang diperlukan untuk kejayaan orang Melayu dalam rancangan-rancangan ekonomi negara," katanya.

Di akhir ucapannya selama satu jam 10 minit itu, Dr. Mahathir mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang amat berat menjelang abad ke-21, lebih daripada orang Melayu dan bumiputera lain.

"Hanya jika ada bangsa yang beragama Islam yang berdayamaju dan dapat bersaing dengan jayanya

dengan bangsa bukan Islam, barulah anggapan bahawa Islam membawa kelemahan, kemunduran dan kemiskinan dapat dikikiskan.

"Yang diperlukan menjelang abad ke-21 ini ialah UMNO yang kukuh dan penuh disiplin, yang tersusun rapi untuk menjayakan cita-cita agama, bangsa dan pencapaian Wawasan 2020," ujarnya.